

Headline	FGV dijangka selesai pelupusan operasi perniagaan bukan teras		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	07 May 2015	Color	Full Color
Section	Ekonomi	Circulation	314,000
Page No	B5	Readership	942,000
Language	Malay	ArticleSize	342 cm ²
Journalist	Suffian A Bakar	AdValue	RM 11,744
Frequency	Daily	PR Value	RM 35,232



FGV dijangka selesai pelupusan operasi perniagaan bukan teras

» *Penyediaan ICT dilaksana menerusi proses tender terbuka*

Oleh Suffian A Bakar

FELDA Global Ventures Holdings Bhd (FGV) dijangka menyelesaikan pelupusan operasi perniagaan bukan teras seawal suku ketiga tahun ini.

Ia membabitkan penyedia penyelesaian teknologi maklumat dan telekomunikasi (ICT) Felda Prodata Systems Sdn Bhd, penyedia perkhidmatan pengembalaan Felda Travel Sdn Bhd dan syarikat harta tanah Felda Properties Sdn Bhd, yang akan dilaksanakan menerusi proses tender terbuka.

Presiden yang juga Ketua Pegawai Eksekutif FGV, Datuk Mohd Emir Mavani Abdullah, berkata pelupusan itu adalah sebahagian rancangan strategi semula kumpulan bagi membolehkannya memberikan tumpuan sepenuh kepada perniagaan teras secara lebih efektif.

FGV kini adalah peneraju perniagaan perladangan terbesar Malaysia dalam minyak sawit, gula dan getah, dan adalah pengeluar minyak sawit mentah terbesar dunia.

“Rundingan bagi pelulusan

operasi bukan teras sedang berlangsung dan ia dijangka diselesaikan pada suku ketiga tahun ini,” katanya sambil menambah ia bertujuan membolehkan unit yang memainkan peranan sokongan kepada operasi kumpulan dapat berdikari.

Beliau berkata demikian pada majlis pemeretaian memorandum kerjasama (MoC) antara FGV, Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) dan Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) di Kuala Lumpur, semalam.

Hadir sama Ketua Pengarah FRIM, Datuk Dr Abd Latif Mohmod; Timbalan Ketua Pengarah PERHILITAN, Datuk Misliah Mohamad Basir; dan Ketua Penyelidikan dan Pembangunan FGV, S Palaniappan.

Mengenai tinjauan perniagaan pada 2015, Mohd Emir berkata secara umumnya tahun ini dijangka bearis kepada semua syarikat perladangan dan FGV bercadang mengekalkan pendapatannya

dengan meningkatkan simpanan tanahnya.

Tanam semula

Beliau berkata, FGV komited menanam semula 15,000 hektar sawit setahun dan setakat ini sudah menanam semula lebih 44,000 hektar.

MoC yang dimeterai dengan FRIM ialah bagi penubuhan Pusat Pemuliharaan dan Penyelidikan Rafflesia (RCIC) di Semenanjung. Ia merangkumi penyelidikan, pemuliharaan, pendidikan dan pelancongan.

MoC dengan PERHILITAN pula ialah bagi penubuhan Program Pemuliharaan Beruang Matahari.

Ia merangkumi penyelidikan, pemuliharaan beruang yang cedera dan terbiar, pendidikan dan penubuhan kumpulan tindakan rakyat yang akan bertindak sebagai mata dan telinga agensi penguat kuasa dalam mengawal pemburuan haram dan kecurian.

Headline	FGV dijangka selesai pelupusan operasi perniagaan bukan teras		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	07 May 2015	Color	Full Color
Section	Ekonomi	Circulation	314,000
Page No	B5	Readership	942,000
Language	Malay	ArticleSize	342 cm ²
Journalist	Suffian A Bakar	AdValue	RM 11,744
Frequency	Daily	PR Value	RM 35,232



Emir (tiga dari kanan) bersama Abd Latif (tiga dari kiri) dan Misliah (dua dari kanan) sambil diperhatikan S. Palaniappan (kiri) pada **majlis pemeretaian memorandum kerjasama (MoC)** antara FGV, Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) dan Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) di Kuala Lumpur, semalam.

[FOTO /SURIANIE MOHD HANIF/BH]